



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

MUKJIZAT TERAGUNG

Tarikh Dibaca:

**20 ZULKAEDAH 1444H/
9 JUN 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MUKJIZAT TERAGUNG
9 JUN 2023 / 20 ZULKAEDAH 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ بُرْهَانٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا مُّبِينًا ۝١٧٤

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Mukjizat Teragung**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu

sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran seperti pergaulan bebas, rasuah, pecah amanah, dan sebagainya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Allah SWT mengutuskan Rasul-Nya untuk membimbing dan memimpin umat manusia mengurus kehidupan menurut syariat dan perintah-Nya. Bersamanya dibekalkan al-Quran al-Karim, iaitu salah satu mukjizat teragung yang diterima oleh Baginda Rasulullah SAW yang mengandungi pelbagai hukum dan kisah yang menjadi rujukan dan panduan kepada kita sehingga hari kiamat nanti.

Al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT berperanan sebagai roh dan cahaya yang menerangi jalan gelap dunia. Sekiranya umat manusia menjauh dan mengasingkan diri dari al-Quran, ia diumpamakan seperti hidup tanpa roh. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Syuura ayat 52:

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا مَا كُنْتَ تَدْرِي مَا أَلَكِتَابُ وَلَا الْإِيمَانُ وَلَٰكِن جَعَلْنَاهُ نُورًا نَّهْدِي بِهِ مَن نَّشَاءُ مِنْ عِبَادِنَا وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ٥٢

Maksudnya: “Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) - Al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati perintah Kami; engkau tidak pernah mengetahui (sebelum diwahyukan kepadamu): apakah Kitab (Al-Quran) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu; akan tetapi Kami jadikan Al-Quran: cahaya yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah memberi petunjuk dengan Al-Quran itu ke jalan yang lurus”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Al-Quran merupakan sumber utama dalam banyak lapangan urusan kehidupan manusia. Terdapat banyak hikmah dan pengajaran yang terkandung padanya. Oleh sebab itu, Islam sangat menganjurkan umatnya untuk menuntut ilmu dan pengajiannya. Hal ini dapat dilihat dengan penurunan wahyu pertama dari Surah al-‘Alaq yang berisi perintah kepada umatnya untuk membaca atau dengan kata lain menuntut ilmu.

Al-Quran merupakan kitab yang wajib dipercayai, diyakini dan diimani. Ia bukan sekadar untuk dibaca malah perlu direnungi dan diamalkan isinya sama ada yang berupa perintah atau menjauhi segala larangan yang termaktub padanya.

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۝

Maksudnya: “Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa”. (Surah al-Baqarah ayat 2)

Al-Quran juga tidak dapat ditiru dengan bentuk keindahan bahasa yang lain. Ketika diturunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW, masyarakat ketika itu berasa kagum dengan keindahan bahasa yang terdapat pada al-Quran. Mereka malah mendakwa bahawa al-Quran itu merupakan karangan dan buatan Nabi Muhammad SAW. Hal ini disanggah oleh al-Quran dan lantas mencabar kaum ketika itu untuk membuat satu surah yang dapat menandingi al-Quran.

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ ۚ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ

اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۝٢٣

Maksudnya: “Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Quran itu, dan panggilah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar”. (Surah al-Baqarah ayat 23)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Al-Quran juga merakamkan banyak senario kehidupan manusia sejak dari dahulu sehinggalah gambaran tentang perihal hidup di alam akhirat kelak. Kisah-kisah yang terangkum dalam al-Quran meliputi kisah yang berlaku sebelum penciptaan manusia hingga manusia dibangkitkan semula untuk dibicarakan atas setiap yang telah diusahakan semasa hidup di dunia. Al-Quran turut merakam kisah perjuangan hidup para Nabi dan

Rasul terdahulu sebagai bukti kebenaran ajaran dan syariat Islam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصصِهِمْ عِبْرَةً لِأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ۝

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman”. **(Surah Yusuf ayat 111)**

Al-Quran turut menyeru manusia untuk menggunakan akal dan mata hati. Al-Quran juga menggesa manusia untuk merenung, berfikir dan mengambil iktibar atas setiap perkara yang berlaku. Jika kita teliti, dalam al-Quran banyak menggunakan perkataan, “*apakah kamu tidak melihat?*”, “*Apakah kamu tidak berfikir?*”, “*Apakah kamu tidak mengetahui?*”. Persoalan yang diajukan dalam al-Quran ini bertindak sebagai pembuka minda dan mata hati manusia untuk melihat setiap perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Dengan renungan yang mendalam menggunakan akal dan mata hati, akan mendorong manusia ke arah kesedaran hakikat diri yang sangat lemah dan bernaung di bawah kasih dan rahmat Allah SWT semata-mata. Ia juga memberi kesedaran kepada diri bahawa hakikat seluruh alam yang diciptakan ini adalah milik Allah SWT dan kita hanya meminjam dan seterusnya tertakluk kepada perintah dan larangan-Nya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Al-Quran, berbalik kepada tujuan asalnya ialah sebagai petunjuk kepada manusia supaya meniti jalan kebenaran menuju kehidupan yang abadi. Ia juga membawa berita gembira kepada orang-orang yang patuh dan mengerjakan amal soleh sebagaimana diperintahkan dan menjauhi kemungkaran sebagaimana yang dilarang. Firman Allah SWT dalam Surah al-Israa’ ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar*”.

Nabi SAW berwasiat kepada para Sahabat dan termasuk juga kepada kita agar sentiasa berpegang teguh dengan al-Quran yang merupakan petunjuk dan cahaya bagi manusia. Al-Quran merupakan penjelas atas petunjuk dan pembeza antara hak dan batil. Al-Quran merupakan rahmat dan penawar. Baginda SAW turut bimbang andai sepeninggalannya, umat manusia mensia-siakan al-Quran dengan tidak membacanya, tidak mempelajari isinya apatah lagi meninggalkan ajaran yang terkandung padanya.

Apabila manusia menjauhkan diri dari al-Quran, Allah SWT akan menjadikan kehidupannya sempit dan buta ketika di akhirat. Allah SWT berfirman:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَى

Maksudnya: “*Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta*”. **(Surah Taha ayat 124)**

Rasulullah SAW juga memberitahu bahawa dengan membaca al-Quran, pembacanya akan diberi ganjaran setiap huruf dengan 10 ganjaran kebaikan. Al-Quran juga nanti akan menjadi syafaat pada hari kiamat kepada setiap orang yang membacanya. Maka perbanyakkanlah membaca al-Quran dan merenungi isinya. Sabda Rasulullah SAW:

اقْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Maksudnya: “*Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya*”. **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

Sempena Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan 1444H/2023M yang akan berlangsung pada 11 hingga 16 Jun 2023 bersamaan 22 hingga 27 Zulkaedah 1444H, marilah kita sama-sama mendengar dan menghayati dan ayat-ayat al-Quran yang dibacakan oleh para qari dan qariah. Semoga kita dapat mengambil faedah dan hikmah yang terkandung dalam setiap ayat yang dibacakan dan memberi semangat kepada kita semua untuk mempelajari al-Quran dan menjadikan kitab suci Allah sebagai panduan hidup seharian kita semua.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan;

Pertama: Al-Quran merupakan salah satu mukjizat teragung yang diterima Rasulullah SAW untuk menjadi bekal dan panduan kepada umat manusia sehingga hari kiamat.

Kedua: Al-Quran banyak menggesa umat manusia untuk menggunakan akal dan mata hati dengan melihat sekeliling yang menjadi bukti kekuasaan dan keagungan Allah SWT.

Ketiga: Peganglah al-Quran dengan sekemas-kemasnya. Baca, fahami dan amalkanlah ajaran yang terkandung dalam al-Quran kerana ia jaminan kepada kita untuk keselamatan bukan hanya di dunia bahkan keselamatan di akhirat kelak.

Firman Allah SWT:

فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَءَاغْتَصَمُوا بِهِ ۖ فَسَيُدْخِلُهُمْ فِي رَحْمَةٍ مِّنْهُ وَفَضْلٍ وَيَهْدِيهِمْ إِلَىٰ صِرَاطٍ

مُسْتَقِيمًا ۝١٧٥

Maksudnya: “Oleh itu, orang-orang yang beriman kepada Allah dan berpegang teguh kepada (ajaran Al-Quran) ini, maka Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya (yang khas iaitu Syurga) dan limpah kurnia-Nya (yang tidak terkira), dan Allah akan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus (jalan agama Islam), yang membawa kepada-Nya”. (Surah al-Nisaa’ ayat 175)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ

الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.